

INVENTORI

ELEMEN: MAKYONG

1.1 LATAR BELAKANG MAKYONG

Makyung lahir di istana Melayu Patani kira-kira 400 tahun yang lampau dan kemudian tersebar ke negeri di Timur Semenanjung, terutamanya Kelantan. Kita tidak dapat mempastikan dari mana asal perkataan makyung atau erti sebenarnya perkataan itu. Besar kemungkinan ia berasal dari satu upacara pemujaan roh-roh; dan mak Inang atau roh ibu yang juga roh padi. Dalam persembahan makyung dia mungkin berlagak seperti perantaraan mewakili raja dan rakyatnya bagi tujuan meminta sesuatu. Pada permulaan persembahan makyung, seorang bomoh bertindak sebagai Syaman atau orang perantaraan akan hadir.

1.2 DEFINISI MAKYONG

Makyung merupakan satu tarian Melayu yang begitu unik dan halus sifatnya. Ia merupakan satu kombinasi dari unsur-unsur tarian, muzik, drama dan komedi yang dipentaskan secara teater keliling. Pelakonnya terdiri daripada gadis-gadis muda dan jelita yang mengambil semua peranan lelaki dan perempuan kecuali watak-watak komedi atau 'peran'. Lahirnya keadaan begini kerana makyung merupakan hiburan bagi permaisuri-permaisuri dan puteri-puteri raja. Oleh kerana bimbang sekiranya mereka ini jatuh hati kepada pelakon-pelakon makyung semasa raja atau pembesar-pembesar meninggalkan istana untuk menjaga keselamatan negeri dan lain-lain tugas di luar istana maka pelakonnya terdiri daripada perempuan belaka.

1.3 SEJARAH MAKYONG

Menurut Hikayat Patani, seni Mak Yong dibawa ke Kelantan lebih 200 tahun dahulu di mana ia pertama kali disebut sebagai pertunjukan di istana Yala, Kerajaan Pattani.[6] Dari situ ia berkembang ke Kedah dan negeri-negeri lain melalui Tanjung Kurau (kini Singapura) ke kepulauan Riau yang ketika itu merupakan sebahagian daripada Kesultanan Johor-Riau-Lingga. Mak Yong biasanya dipersembahkan di istana sehingga 1920 yang mana ia sering dipertontonkan dalam kalangan orang biasa. Butiran mengenai

persembahan ini turut digambarkan teliti dalam Syair Perkawinan Anak Kapitan Cina dikarang Encik Abdullah bertarikh 1277 Hijriyah atau 1860 Masihi yang menceritakan suasana perkahwinan seorang pembesar Melayu bernama Engku Puteri Raja Hamidah dengan anak seorang Kapitan Cina.

Pada awal abad ke-20, tarian Mak Yong mula berkembang ke merata-rata kampung tanpa naungan istana dengan kedatangan pihak British ke Kelantan yang telah mengurangkan kedudukan ekonomi raja-raja ini. Faktor inilah yang mengakibatkan kemerosotan mutu persembahan dalam generasi kedua, iaitu zaman selepas Bah Air Merah pada tahun 1926 hingga tahun-tahun 1950-an. Pada zaman ini juga unsur-unsur komersial pertunjukan Mak Yong telah memperalatkan nilai-nilai estetik klasik yang ada dalam Mak Yong: persembahan Mak Yong yang diadakan dengan cara pemajakan akan bermula dari pukul 8.30 malam hingga pukul 11.00 malam sahaja memberi laluan kepada acara tarian joget iringan alat-alat muzik Barat seperti biola dan akordion menggantikan rebab serunai.

1.4 BENTUK PERSEMBAHAN MAKYONG

Persembahan Mak Yong biasanya dibuka dengan lagu "Mengadap Rebab" diikuti dengan tarian, lakonan dan muzik. Setiap satu cerita mampu dipersembahkan merentasi beberapa amalan dalam siri pertunjukkan tiga jam. Dalam persembahan tradisi di kampung, ia dilakukan dipanggung terbuka yang berlatarkan daun kelapa. Penonton akan duduk di tiga sisi panggung, sisi yang ke empat dikhaskan bagi orkestra yang terdiri dari pemain rebab, gendang kepala dua dan tetawak. Kebanyakan peranan dilakukan oleh wanita dan ceritanya berasaskan cerita rakyat tradisi dengan watak raja, dewa dan pelawak. Mak Yong dikaitkan dengan upacara di mana pawang cuba menyembuhkan pesakit yang dirasuk melalui nyanyian, tarian bersawai dan menurun.

Persembahan makyung tidak memerlukan prop tetapi pakaian watak-watak adalah lengkap dan mahal harganya. Watak-watak penting dalam makyung diberikan nama khas dan setiap watak mempunyai pakaian lengkapnya sendiri walau untuk apa cerita sekalipun. Pakaian Pak Yung Muda adalah sama.

Kedua-duanya memakai setanjak atau mahkota diperbuat daripada baldu khas dengan hiasan mutu manikam dan mempunyai tepi yang berkilau. Di bahagian atas setanjak dihiasi dengan beberapa kuntum melur. Beberapa ikat bunga melur juga digantung pada alas telinga kiri. Seabad yang lalu, Pak Yung Muda (watak utama) memakai setangan balik dan tujuh ulas ikatan bunga melur berjuntai dari Telinga kiri. Lebih awal dari itu pakaian Pak Yung Muda dipengaruhi gaya mempelai-mempelai diraja Patani dengan memakai setanjak yang diperbuat daripada sutera kuning dan dihiasi dengan bunga-bunga emas yang digantung pada rantai-rantai emas terjuntai di telinga kiri. Setanjak Pak Yung Tua dihiasi lebih indah daripada warna yang lebih tua. Kedua-dua Pak Yung memakai baju sutera berwarna kuning, kemas, tidak berkollar, berlengan pendek. 'Lai' - atau hiasan dari manik-manik dan mutu manikam, labuhnya hingga hampir ke pinggang dipakai di atas baju.

Semua pelakon tidak memakai kasut kerana mereka bermain di hadapan Raja dan pembesar-pembesar. Selain perkakas-perkakas ini Pak Yung juga membawa seikat rotan yang dipanggil rotan bera atau pemiat. Rotan ini digunakan untuk memukul peran. Kain lepas (benang) juga digunakan untuk keperluan lain seperti menggambarkan wau, anak yang baru lahir atau digubah untuk menyerupai gajah. Pakaian Mak Yung Puteri juga hampir sama. Mereka memakai kebaya sutera dan berkerongsang emas dan permata. Sarung sutera diikat dengan tali pinggang dan mereka mempunyai pending batu permata dan lebih cantik daripada pending Puteri Mak Yung. Sehelai kain sibar tergantung di bahu kiri, diselitkan pada pending dan panjangnya hingga ke paras lutut. Kain sibar ini biasanya bertekat benang emas. Mereka kedua memakai pemeles, tali tangan emas, gelang kaki emas dan cincin pemberian dari raja.

Lain-lain pelakon yang mengambil bahagian ialah watak dayang memakai kebaya dan sarung sutera tetapi tiada berpending atau kain sibar. Mereka memakai sanggul dan bunga melur dilekat pada sanggul. Peran-peran memakai baju pendek biasa, kain sarung dan sepasang seluar besar. Mereka juga memakai semutar daripada kain benang yang pada waktu lain boleh juga diikatkan ke pinggang.

Watak - watak penting dalam sesebuah cerita makyung :-

1. Pak Yung - Menjadi raja atau pemerintah dan menjadi tulang belakang cerita makyung
2. Pak Yung Muda - Walak utama atau hero dalam cerita makyung. Watak inilah yang mengalami berbagai-bagai peristiwa dari saat ia dilahirkan hingga dewasa semasa cerita berkisar di sekitar kehidupan Pak Yung Muda.
3. Mak Yung - Juga permaisuri dan dalam setengah cerita mengambil peranan yang penting sebagai watak utama.
4. Puteri Mak Yung - Sebagai heroin dalam cerita makyung
5. Peran - Terdapat beberapa orang peran atau pelawak dalam cerita makyung. Peran tua biasanya memegang watak yang lebih penting daripada peran-peran lain dan bertindak sebagai orang suruhan raja. Lain-lain peran adalah watak kelakar.
6. Dayang-dayang - Terdiri daripada gadis-gadis manja yang juga bertindak sebagai penari atau pengiring Mak Yung atau Puteri Mak Yung.
Selain daripada watak-watak yang tersebut di atas, watak-watak jahat tidak ketinggalan, seperti raja jin dan sebagainya yang merupakan pihak lawan kepada watak-watak baik di atas.

1.5 ALAT MUZIK IRINGAN

- Muzik ialah unsur yang sangat penting dalam makyung dan fungsinya ialah: -
- a. Bunyi alunan muzik terutama daripada rebab digunakan untuk menarik penonton dan memaklumkan bahawa pementasan makyung akan bermula.
 - b. Muzik digunakan untuk membentuk suasana yang menggambarkan emosi dan perasaan di setiap adegan. Selalunya suasana ini digambarkan dengan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh watak-watak utama dan juga korus (jong dondang).
 - c. Muzik digunakan untuk mengiringi tarian dan nyanyian.
 - d. Muzik digunakan untuk menandakan permulaan dan penamatkan adegan-adegan keluar dan masuk watak juga diiringi oleh muzik (terutama bunyian gendang) diselitkan antara dialog - dialog.

1. Tawak atau Gong

Tawak ibu, yang lebih besar daripada tawak anak, diperbuat daripada tembaga. Bunyian tawak ibu lebih rendah daripada bunyian tawak anak. Kedua-duanya

digantung dan dipisahkan oleh dua batang kayu yang dinamakan mengembang. Pemukulnya diperbuat daripada kayu yang hujungnya dibalut dengan kain atau kepingan getah.

2. Gendang Ibu dan Gendang Anak

Kedua-duanya berbeza dari segi saiz dan bunyi. Muka besar ditutup dengan belulang lembu manakala muka kecil ditutup dengan kulit kambing.

3. Canang

Canang anak dan ibu diperbuat daripada tembaga. Perbezaan antara dua canang ini akan hanya dapat dikesan melalui bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik tersebut.

4. Kesi

Kesi mempunyai dua bahagian, piring dan kicah (empat piring dan dua kicah) yang diperbuat daripada besi.

5. Serunai

Serunai mempunyai empat bahagian, iaitu pipit, mali, batang dan copong. Tiap-tiap bahagian ini boleh dipisahkan.

6. Rebab

Rebab mempunyai tiga bahagian iaitu pucuk rebung, batang dan muka. Tempurung muka diperbuat daripada kayu nangka atau sena dan ditutup dengan kulit perut lembu. Pada dada (muka) di penjuru kiri terdapat satu lubang seluas satu inci dan ditutup dengan penutup yang dinamakan 'susu' atau 'tetek'. Fungsinya ialah untuk mengimbangkan tekanan udara dalam dan luar. Balangnya diperbuat daripada kayu nangka atau sira. Pada masa dahulu tali rebab diperbuat daripada benang besar dan kemudian menggunakan benang kasar. Sekarang digunakan tali gitar, gambus atau biola. Penggesek rebab diperbuat daripada kayu dan tali tangsi.

Ahli muzik yang terpenting dalam kumpulan muzik makyung ialah pemain rebab yang dikenali dengan nama Tok Minduk. Beliau adalah ketua dan juga

"pemimpin" kumpulan muzik itu. Beliau memulakan semua lagu sepanjang 8 hingga 16 "measure" yang selepas itu diikuti oleh gendang, gong, suara penyanyi solo dan korus. Beliaulah yang memberi isyarat memulakan lagu, menukar rentak dan hal-hal lain mengenai aspek muzik. Tok minduk dan ahli muzik lain menghafal kesemua lagu-lagu makyung. Ia juga menjalankan istiadat buka panggung.

Ahli-ahli muzik ditempatkan di sudut kiri pentas dan tok minduk duduk mengarah matahari jatuh. Unsur nyanyian dalam makyung diselenggarakan oleh kesemua pelakon dan juga ahli-ahli muzik. Pelakon utama akan mula menyanyi empat atau lapan 'measure' selepas pendahuluan dilakukan oleh tok minduk. Rangkap ini akan dinyanyikan semula oleh korus dan juga ahli-ahli muzik. Biasanya melodi pendek akan digunakan berkali-kali. Senikata sahaja yang berubah. Dalam nyanyian, suara dan rebab menyelenggarakan melodi, gendang dipukul bertingkah dan gong menandakan 'measure' atau bilangannya.

1.6 GAMBAR ATAU VIDEO

WATAK	PAKAIAN	PERHIASAN
Mak Yong Sebelum tahun 1890, watak ini hanya memakai kain limar pada bahagian dada seperti berkemban dan bahu terdedah. Watak ini mengalami perubahan dengan memakai kebaya bekerongsang tiga mata, berkain sarung dan dipakaikan pending, kain sibar (selendang) yang dilampaikan pada bahu jatuh sehingga lutut dan dihiasi sanggul serta		

pemeles/pemeleh
(mahkota).



Pak Yong

Kebiasaannya memakai setanjak yang dinamakan setanjak batik, dililit pada kepala dan terdedah pada tengah kepala. Tujuh jurai pendek bunga melur disisip pada telingga kiri. Tengkolok sering diperbuat daripada kain limar kuning.




<p>Peran Tua</p> <p>Mengendalikan upacara buka panggung dengan melafazkan jampi dihadapan sajian makanan bertujuan memuja semangat. Mengenakan baju putih bertengkuk bulat lengan pendek (seakan pagoda) sarung kain kapas dan sepasang seluar kapas longgar. Juga memakai semutar, biasanya kain kapas berwarna merah dan biru.</p> <p>Pada masa kini peran tua memakai samping kain broked paras lutut, sutera atau songket dengan simpul bunga dan disimpan didalam bengkung.</p>	 	 <p>Watak peran tua dan muda sering membawa prop golok kemana sahaja.</p>
<p>Peran Muda</p> <p>Berperanan sebagai penasihat dan orang suruhan Raja (budak Raja).</p> <p>Pakaian peran muda hampir sama dengan pakaian peran tua.</p> <p>Manakala peran muda pada masa kini dikenakan kain samping songket paras lutut yang diikat dengan cara lipat sisi kiri ke sisi kanan dan diikat bengkung.</p>	 	 <p>Watak peran tua dan muda sering membawa prop golok kemana sahaja.</p>

<p>Inang Pengasuh Pada zaman silam pakaian mereka disesuaikan dengan baju kebaya dan baju kurung tanpa aksesori yang banyak.</p> <p>Watak inang lebih merujuk kepada wanita lebih berusia yang berkhidmat di istana mengenakan warna kostum yang lebih menonjol serta berwarna terang walaupun daripada rakyat biasa.</p>		 <p><i>Cucuk sanggul</i> dan pakaian orang kampung disesuaikan dengan watak inang pengasuh</p>
<p>Dayang</p> <p>watak dayang adalah dari kalangan anak-anak gadis yang mengiringi puteri untuk bermain di taman bunga misalnya.</p>		 <p>Gendik</p>  <p><i>Jurai manik</i> dan <i>Jurai mayang</i></p>  <p><i>La` (hiasan dada)</i></p>

<p>Dewa</p> <p>Diumpamakan sebagai watak yang mulia dan mempunyai ketinggian status dan kemurnian hati. Biasanya kain selubungan putih menjadi seperti prinsip yang seragam kepada watak dewa bagi mengambarkan darjat serta kemuliaan watak.</p>	<p>Watak Dewa Bentara Guru antara cerita Mak Yong dalam “<i>Kisah Raja Tangkai Hati</i>”</p> 	
<p>Tok wak</p> <p>Merupakan watak golongan rakyat biasa, tetapi mempunyai kepakaran khusus seperti Tok Wak Nujum, Tok Wak Petanda Raja, Tok Wak Nakhoda dan Tok Wak Tukang.</p> <p>Kostum watak diperbuat daripada kain kapas, baju dan seluar atau jubah berwarna putih.</p> <p>Solekan untuk watak ini disesuaikan dengan usia. Yang tua disolek mengambarkan kedudukan dan kemahiran mereka.</p>	 <p>Watak Tok Wak Nakhoda (tengah) bersama Peran Muda dan Tua dalam persembahan ‘<i>Raja Tangkai Hati</i>’.</p>	

<p>Jin/Gergasi/Bota</p> <p>Watak ini tidak kurang pentingnya kerana ianya membawa kepada watak jahat yang member imej di luar jangkaan manusia.</p> <p>Biasanya watak seperti ini dikenakan hanya dengan baju sikap (tidak nberbaju didalam), seluar singkat, kain pelikat dan ikatan di kepala.</p> <p>Bagi solekan untuk watak ini ditampilkan dengan elemen spektakular yang member imej di luar jangkaan manusia.</p>	 <p>Puteri Bota dalam “Raja Tangkai Hati”</p>  <p>gergasi dalam Koleksi Kump seri Temenggung</p>	
<p>Orang Darat</p> <p>Watak yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang membuat kerja-kerja kampong dan membawa kepada sokongan cerita.</p> <p>Untuk watak lelaki mereka sama seperti pakaian watak peran. Manakala, perempuan memakai baju kurung dan kain batik.</p>	 <p>Watak orang kampong atau orang darat dalam persembahan Mak Yong.</p>	

<p>Binatang dan burung</p> <p>Watak untuk elemen ini tidak tetap.</p> <p>Watak seperti ini pada masa dahulu tidak dipakaikan baju, hanya memakai seluar sahaja atau pakaian yang direka khusus.</p>	<p>Nenek Mak Ikan Jerung dalam Mak Yong “Raja Tangkai hati”</p> 	
--	---	--



Sumber : seameo-safe.org



Sumber : newmandala.org



Sumber : newmandala.org



Sumber: malaysiakini.com



Sumber : astroawani.com



Sumber : malaysiakini.com

1.7 KOMUNITI/PENGGIAT



Mek Jah binti Deris atau lebih dikenali dengan nama timang-timangannya Mek Jah. Merupakan anak kelahiran Gong Lilit, Besut, Terengganu. Pun begitu, keluarga beliau berasal dari Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Perjalanan beliau sebagai pemakyong cukup mencabar dan memerlukan pengorbanan yang besar sebelum bergelar seorang primadona makyong. Di dalam mengapai cita-cita dan impian kerana setelah menyatakan hasratnya untuk belajar makyong , masih terdapat juga tentangan daripada adik beradik, namun tidak dihiraukan demi minat yang mendalam dalam seni makyong. Beliau masih lagi beruntung kerana kedua orang tua beliau memberi sokongan dan kepercayaan yang tidak berbelah bagi kepada beliau untuk mempelajari dan mendalami ilmu makyong.

Berbekalkan sokongan arwah bapa dan ibu, ia menjadi penyuntik semangat untuk beliau bangkit dan gigih lagi dalam usaha mendalami ilmu dan selok belok seni makyong. Beliau mula mempelajari seni persembahan makyong ketika berumur 18 tahun dan dengan gelaran seorang janda. Ketika itu, sukar bagi seseorang yang telah bergelar janda mengharungi onak ranjau dalam meneruskan minat seni ini. Dengan kecekalan dan semangat yang tinggi, beliau mampu untuk mengapainya. Tanpa ragu beliau menyatakan minat ingin mempelajari makyong kepada gurunya dan beliau diterima dengan hati oleh guru untuk mendalami ilmu-ilmu makyong . Demi minat yang mendalam beliau berpenat lelah berulang alik berjalan kaki pada setiap malam ke tempat latihan untuk menuntut ilmu makyong.

Beliau juga sememangnya bertuah kerana dianugerahkan Allah dengan bakat dan suara yang nyaring sesuai dengan keperluan seorang pemakyong. Di awal pembelajaran, beliau telah berguru dengan seorang guru makyong bernama Pak Su Mat diikuti mak cik Zainab, pak cik Deraman dan lain-lain lagi. Sekarang ini semua guru-guru beliau telah pun meninggal dunia dan beliau memegang tanggungjawab tersebut.

Sememangnya telah ditakdirkan lahirnya Mek Jah sebagai mutiara sinar kepada kesinambungan empayar makyong tanah air sehingga Mek Jah mampu menguasai seni halus makyong dengan mudah pada tempoh awal proses pembelajaran beliau. Pada masa pembelajaran yang singkat beliau telah dapat menguasai seni tari dan nyanyian makyong diikuti bulan kedua beliau dengan petah dapat menguasai cerita makyong. Begitulah kehebatan seorang bintang primadona makyong, kerana beliau telah dapat menunjukkan betapa hebat dan pintarnya beliau pada peringkat awalan proses pembelajaran lagi.

Bak kata pepatah melayu ‘ke mana tumpahnya kuah kalu tidak kenasi’. Ini terbukti dimana seramai dua orang anak beliau berkebolehan dalam seni lakon makyong dan boleh bermain makyong. Darah seni Mek Jah telah mengalir dalam diri anak-anak beliau sebagai penyambung legasi seni seri panggung Mek Jah. Kehebatan Mek Jah bermain makyong juga sememangnya di akui oleh teman-teman seperjuangan seperti Mek Nab, Fatimah Abdullah, Mek Imah dan Mak cik Siti serta ramai lagi. Mek Jah juga semasa mudanya pernah mendapat jolokan nama sebagai ‘Mek Jah Musang Berjanggu’, ini kerana penangan watak dalam lakonan beliau semasa bermain rodat pada suatu masa dahulu. Kesemua kawan-kawan beliau memuji kebolehan dan kehebatan beliau bermain makyong serta sikap beliau yang suka merendah diri sehingga kini walaupun telah mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan dan dunia sebagai ratu seri panggung primadona makyong Melayu.

Pengiktirafan beliau sebagai primadona makyong juga disokong oleh Pengerusi PUSAKA iaitu Encik Eddie Khoo yang telah berusaha membawa Mek Jah keperingkat antarabangsa dengan kerjasama Jabatan Warisan

Negara ke Perancis pada tahun 2007 sempena festival ‘Lemejenil’, dimana festival ini telah berlangsung pada setiap tahun semenjak 30 tahun yang lalu serta mendapat sambutan yang hebat dari penonton-penonton di sana.

Semangat Mek Jah yang kental dalam mempertahankan dan memartabatkan seni makyong tercapai apabila beliau dapat mewariskan seni makyong kepada pelapis-pelapis baru di Gong Lilit, Besut ini dengan mengajar pelapis-pelapis baru dengan inisiatif dan kerjasama Jabatan Warisan Negara sebagai kelangsungan legasi seni makyong untuk generasi akan datang agar tidak pupus ditelan arus kemodenan dunia sejagat. Sememangnya kesusahan dan rintangan beliau pada masa lalu sehingga pernah membawa beliau bermain makyong sampai ke Pattani, Thailand semata-mata untuk mencari rezeki terbalas dengan pengiktirafan ini. Pada usia 70 tahun ini Mek Jah masih lagi aktif bermain makyong dan masih mampu bermain sehingga luar daripada negeri Terengganu sekiranya ada jemputan untuk bermain makyong. Semoga seri panggung Mek Jah Binti Deris ini boleh berbangga dengan jerih perih dan usaha beliau sehingga sampai keperingkat ini dan mendapat pengiktirafan sebagai “Primadona Makyong Melayu”.



Rosnan Abdul Rahman berkelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina, Universiti Sains Malaysia. Beliau berasal dari Pokok Sena, Kedah. Minat yang mendalam dalam bidang seni persembahan menyebabkan Rosnan terpaksa melupakan terus cita-citanya untuk bergelar seorang arkitek.

Pernah menjadi artis budaya sambilan Badan Kesenian Negeri Kedah dan telah membawa beliau menjelajah beberapa buah negara mengadakan persembahan untuk festival-festival kesenian di luar negara.

Bertugas sebagai Penolong Pengarah Produksi di Istana Budaya mendedahkan Rosnan dengan pengalaman menguruskan produksi untuk persembahan teater dari luar negara bertaraf antarabangsa, antaranya ialah FAME The Musical, Sound Of Music, Cats dan Saturday Night Fever.

Beliau turut terlibat dalam beberapa produksi teater dan tari tempatan, antaranya Makyung Endeng Tajeli (2007& 2008,)Monodrama Rebab Berbisik anjuran Dewan Bahasa & Pustaka (2007 & 2008), Teater Patung Kertas arahan Lokman Ghani(2008), Makyung Dewa Indera Indera Dewa (2006), Konsert Melayu Asli (2006), Muzikal Suzana@60 (2006) arahan Lokman Ghani, Muzikal Puteri Hang Li Po (2004 & 2005) arahan Rosminah Tahir, Bangsawan


“Puteri Salasiah”(2002), Mak Yong Anak Raja Gondang(1998) dan Mak Yong Raja Bongsu Sakti (2000) arahan Prof. Dr. Mohamad Ghous Nasarudin, As-Syura (1997) arahan Prof. Dr Samat Salleh, Teater Pintu (1995) arahan Hilmi Md Noh, teater Lari II (1996) arahan Roslee Mansor.


Mendalami makyung daripada beberapa tokoh makyung seperti Mak Su Yam, Che Mat Jusoh dan Fatimah Abdullah. Selain itu, beliau kini merupakan satu-satunya Pak Yung lelaki dalam seni persembahan teater tradisional makyung dan pernah mewakili Malaysia mengadakan persembahan makyung di New York, Amerika Syarikat (2007) dan Paris, Perancis (2008).


Beliau juga turut terlibat dalam Rakaman Cerita Makyung untuk Dokumentasi UNESCO di Pura Tanjung Sabtu, Kuala Terengganu pada November 2007. Kini, beliau juga menggalas tugas sebagai seorang pensyarah sambilan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

1.8 PENERBITAN

1.8.1 BUKU







1.8.2 ARTIKEL

<https://www.spafajournal.org/index.php/spafajournal/article/view/160>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2021/04/10/can-mak-yong-survive-another-decade/>

<https://www.bharian.com.my/renanca/sastera/2020/10/742447/mak-yong-patuh-syariah-di-kelantan>

https://pkkssaas.upm.edu.my/warisan/seni_warisan_teater_tradisional/makyong-60459

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/626849/tarian-makyung-patuh-syariah-diterima-masyarakat>

<https://www.getaran.my/artikel/kisah-kita/19899/rosnan-rahman-terus-giat-mengangkat-mak-yong>

1.8.3 JURNAL

<http://journalarticle.ukm.my/3012/1/7-Ghani.pdf>

<https://timbej.uitm.edu.my/v1/images/timbej/article/2016/paper3i2.pdf>

http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/JOURNAL_3%20PDF/PENGURUSAN%20PEMENTASAN%20TEATER.pdf

<http://eprints.usm.my/48508/1/2021%20Scopus%20SPAFA%20A%20Tribute%20to%20the%20Remaining%20Makyong%20Performers%20of%20Yala%2C%20Southern%20Thailand.pdf>

<https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/makyung.pdf>

<https://www.spafajournal.org/index.php/spafajournal/article/view/678>

<https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/harmonia/article/view/34913>